



LAMPIRAN DUA
PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

LAMPIRAN DUA

PERUNDANGAN & KEHAKIMAN

Undang-undang adalah satu bentuk peraturan dan kawalan yang di kuatkuasakan dalam kehidupan manusia bagi menjamin kebaikan dan kesejahteraan bersama. Ianya samada undang-undang yang dicipta oleh manusia dan undang-undang yang diturunkan untuk manusia. Undang-Undang syariah adalah undang-undang yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia, dan menjadi kewajipan semua umat manusia beragama Islam untuk mendaulatkannya.

MATLAMAT

Adalah menjadi matlamat tertinggi kerajaan Negeri Kelantan dengan slogan Membangun Bersama Islam untuk memerintah negeri dengan menggunakan Undang-Undang Syariah sepenuhnya.

STRATEGI

Bagi mencapai matlamat tersebut satu Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud) bagi negeri Kelantan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Antara pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri kearah merealisasikan matlamat tersebut adalah :

- i) Meneruskan amalan perundangan dan kehakiman yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, Ijmak Ulama' dan Qias.
- ii) Sentiasa berusaha kearah melaksanakan sistem perundangan dan kehakiman berteraskan Islam
- iii) Terus mengkaji, meneliti dan membuat pindaan serta menyesuaikan enakmen yang sedang dipakai di samping mengkaji, meneliti dan membuat pindaan serta menyesuaikan secara menyeluruh fasal-fasal dalam prlmbagaan Negeri Kelantan supaya tidak bercanggah dengan kehendak Islam.
- iv) Terus berusaha kearah memastikan setiap pindaan terhadap Perlembagaan Negeri Kelantan adalah benar-benar memenuhi prinsip keadilan, keharmonian dan saling hormat menghormati pihak-pihak berkenaan.

Kerajaan Negeri juga melalui Dewan Undangan Negeri telah membentangkan dan meluluskan Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud) pada tahun 1993, sebagai usaha dan komitmen kearah menjalankan Hukum Allah di bumi Kelantan ini.

MASALAH

Walaupun Enakmen tersebut telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan, tetapi ianya tidak dapat dijalankan kerana telah dihalang Kerajaan Persekutuan melalui satu arahan rasmi yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri kepada YAB. Menteri Besar.

LAMPIRAN

Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993
(Hukum Hudud)